



Dr Mahathir ketika wawancara eksklusif bersama pengarang kanan New Straits Times di pejabatnya di Putrajaya.

Anwar pemimpin berkualiti: Dr M

> Pengalaman luas bekas TPM, arkitek bentuk Pakatan Rakyat serlah kepemimpinan

> Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Datuk Seri Anwar Ibrahim mempunyai kualiti yang diperlukan untuk memimpin Pakatan Harapan (PH).

Perdana Menteri berkata, bekas Timbalan Perdana Menteri itu berpengalaman luas, termasuk dalam membentuk Pakatan Rakyat suatu masa dahulu.

Menjawab demikian ketika ditanya

Hakikatnya, beliau berasal daripada UMNO dan UMNO tidak disukai pembangkang, dia tinggalkan UMNO dan kemudian menyatukan DAP, PAS serta partinya"

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

sama ada beliau melihat Presiden PKR itu boleh memastikan parti dalam PH kekal bersama, Dr Mahathir berkata, Anwar memainkan peranan agak penting dalam pakatan berkenaan.

Katanya, Anwar yang juga dilihat sebagai antara pemimpin utama PH ketika ini, adalah arkitek yang membentuk Pakatan Rakyat suatu ketika dahulu, tetapi gabungan parti pembangkang ketika itu gagal kerana tidak begitu kukuh.

Satuan DAP, PAS

"Tetapi selepas bersama, barulah kita dapat bekerja dengan lebih rapat. Hakikatnya, beliau berasal daripada UMNO dan UMNO tidak disukai pembangkang, dia tinggalkan UMNO dan kemudian menyatukan DAP, PAS serta partinya.

"Itu menunjukkan Anwar ada kualiti sebagai pemimpin," katanya pada wawancara eksklusif bersama pengarang kanan *New Straits Times* (NST) di pejabatnya di Putrajaya.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, sikap pentadbiran terdahulu yang terlalu berahsia, ternyata meninggalkan pelbagai bebanan, termasuk dalam kontrak perjanjian projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) bersama kerajaan China.

Katanya, banyak rundingan perlu dilakukan bagi menyelesaikan masalah dihadapi tanpa menjejaskan hubungan baik Malaysia dengan kuasa besar itu.

Kongsi pandangan isu semasa

Perdana Menteri turut berkongsi pandangannya mengenai kakitangan awam, kos sara hidup dan masalah pengangguran, selain rasionalisasi terhadap langkah mengubah beberapa keputusan.

"Orang kata kerajaan sekarang banyak buat pusingan U, tetapi kalau kita tak ubah keputusan, ia tidak adil bagi rakyat," katanya.

Ditanya perbezaan mesyuarat Ka-

binet dikendalikannya sekarang berbanding ketika menjadi Perdana Menteri keempat, Dr Mahathir mengakui mesyuarat kini lebih panjang serta semua menteri mempunyai pandangan dan kadang-kadang ia diulang beberapa kali.

"Ia bermakna agak sukar bagi kita mencapai persetujuan. Bagaimanapun, untuk kami kekal bersama dan memberi hala tuju kepada kerajaan adalah satu pencapaian tersendiri katanya.

Dalam wawancara hampir sejam itu, Perdana Menteri turut meluahkan apa yang membuatnya kecewa selepas hampir setahun PH menerajui pentadbiran, selain menyentuh isu hutang negara dan keyakinan pelabur terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia.

> Wawancara penuh dalam *New Sunday Times* hari ini dan *New Straits Times*, esok